

B B723 AAB
(**ULANGAN DENGAN PENAMBAHAN KATA +JOHOR+... SEMINAR PELABURAN NEGERI +JOHOR+ PADA PARATIGA**)

MAHATHIR - PELABURAN (DENGAN GAMBAR)

KUALA LUMPUR, 24 JULAI (BERNAMA) -- KERAJAAN KINI LEBIH MENGUTAMAKAN PELABURAN ASING DARIPADA PELABURAN SEGOLONGAN KECIL PEMODAL TEMPATAN UNTUK MEWUJUDKAN PELUANG PEKERJAAN SUPAYA RAKYAT TIDAK PERLU KE NEGARA MAJU UNTUK MENJADI BURUH KASAR, KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

PELABURAN ASING DIPERLUKAN SEKARANG UNTUK MEWUJUDKAN TAHAP HIDUP YANG SEMPURNA BAGI RAKYAT DAN MENGELAKKAN KEMUNGKINAN MEREKA BERTAJIR KE NEGARA JIRAN YANG MEMBANGUN DENGAN PESAT, KATA BELIAU.

+AMATLAH MENGHINAKAN JIKALAU RAKYAT NEGARA INI TERKENAL SEBAGAI PUNCA BURUH KASAR DAN KULI BAGI NEGARA LAIN,+ KATANYA SEMASA MERASMKAN SEMINAR PELABURAN NEGERI JOHOR DI PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA (PWTC) DI SINI.

+TETAPI INILAH NASIB YANG MENUNGGU RAKYAT KITA JIKA KITA MENGUTAMAKAN KEPENTINGAN PEMODAL TEMPATAN DAN MEMBELAKANGKAN KEPENTINGAN RAKYAT BIASA,+ TAMBAHNYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR, BAGAIMANAPUN, BERKATA PELABUR TEMPATAN AKAN BEROLEH PELUANG MEREKA APABILA EKONOMI TUMBUH SEMULA DAN MEREKA AKAN SEKALI LAGI KENDAPAT MODAL SETELAH MENGATASI KERUMITAN KEWANGAN AKIBAT KEMELESETAN EKONOMI. -- LAGI

1249MST 24 07 89

U B730 AAB
MAHATHIR - PELABURAN 2 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA DI SAMPING MENGATASI KESAN BURUK EKONOMI, KERAJAAN JUGA DAPAT MEMULIHKAN SEMULA PEKODAL DAN PENGUSAHA TEMPATAN BAGI MEKBOLEHKAN MEREKA KENINGKATKAN SEMULA PERANAN KEREKA DALAM EKONOMI NEGARA.

+HARI INI PUN, DALAM EKONOMI YANG SUDAH DIPULIHKAN, TERDAPAT PEMODAL TEMPATAN YANG CEKAP MENGHASILKAN BARANGAN BUATAN CIPTAAN SENDIRI YANG BUKAN SAHAJA DIPASARKAN DALAM NEGERI TETAPI JUGA DIEKSPORT,+ KATANYA.

TANGGUNGJAWAB KERAJAAN TERHADAP KEBAHAGIAAN HIDUP MAJORITI RAKYAT MERUPAKAN PERKARA YANG DIUTAMAKAN DALAM PEMBENTUKAN DASAR-DASAR KERAJAAN, TAMBAHNYA.

BELIAU BERKATA KERAJAAN TIDAK BOLEH MEMBERI KEISTIMEWAAN KEPADA SEGOLONGAN KECIL DENGAN MENGORBANKAN KEPENTINGAN DAN KESEJAHTERAAN MAJORITI RAKYAT.

KATANYA, KEMELESETAN EKONOMI, YANG MENGAKIBATKAN RAMAI ORANG TERMASUK SISWAZAH MENGANGGUR, MEWUJUDKAN KEADAAN JUMLAH TENAGA MANUSIA KELEBIHI PERMINTAAN, LANTARAN ITU, PENDAPATAN PEKERJA TIDAK MUNGKIN KENINGKAT. -- LAGI

1259MST 24 07 89

u 8737 AAB
MAHATHIR - PELABURAN 3 KUALA LUMPUR

UNTUK MENGATASI MASALAH ITU, BELIAU BERKATA KERAJAAN MEMILIH KEUTAMAAN MEWUJUDKAN PELUANG PEKERJAAN BAGI MAJORITI YANG MENGANGGUR DAN BERPENDAPATAN RENDAH DENGAN MENARIK PELABUR ASING DARIPADA MENGUTAMAKAN GOLONGAN KECIL PEMODAL TEMPATAN UNTUK MEMULAKAN PERUSAHAAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KESANNYA AKAN MENJADI LEBIH BURUK JIKA PELABURAN DALAM NEGERI TIDAK ADA DAN PELABURAN LUAR NEGERI DIHALANG KERANA PEKERJA TIDAK AKAN MENDAPAT PEKERJAAN DAN YANG MENGANGGUR AKAN TERUS MENGANGGUR.

TAMBAHNYA, EKONOMI NEGARA TIDAK MUNGKIN PULIH DALAM JANGKA PENDEK DAN PENDERITAAAN PEKERJA AKAN BERTERUSAN, HUTANG NEGARA TIDAK MUNGKIN DIJELASKAN DAN PEMBANGUNAN NEGARA TERHALANG JIKA KEMELESETAN EKONOMI TIDAK DIPULIHKAN.

PERDANA MENTERI BERKATA KALAU KEADAAN SEDEMUKIAN BERLARUTAN, RAKYAT MALAYSIA MUNGKIN MENDERITA SEPERTI PENDUDUK DI BEBERAPA NEGARA ASIA, AFRIKA DAN AMERIKA SELATAN APABILA PARAS INFLASI NAIK 21000 PERATUS SETAHUN.

APABILA KEADAAN ITU BERLAKU, HARGA BARANGAN TERMASUK MAKANAN NAIK SETIAP HARI, ADAKALANYA SEKALI PADA WAKTU PAGI DAN SEKALI LAGI PADA SEBELAH PETANG, DUIT TIDAK LAGI BERNILAI HINGGAKAN AKHIRNYA BERLAKU RUSUHAN, KEDAI-KEDAI DIROMPAK DAN PIHAK ASING BERPELUANG MENGHASUT RAKYAT SUPAYA MENGGANGGU KETENTERAMAN NEGARA. -- LAGI
1317MST 24 07 89

D589

U 8738 AAB
MAHATHIR - PELABURAN 4 KUALA LUMPUR

NEGARA TIDAK MENGALAMI KEADAAN SEDEMUKIAN SEKARANG K-ERANA BERUPAYA MENGURUSKAN EKONOMINYA DENGAN BAIK DAN CERMAT SERTA MENGUTAMAKAN SOAL PEKERJAAN APABILA MENGGALAKKAN PELABURAN, KATA PERDANA MENTERI.

BELIAU BERKATA KERAJAAN SEDANG MENYUSUN PROGRAM PERINDUSTRIAN YANG LEBIH AGRESIF UNTUK MELICINKAN PERJALANAN SEKTOR PERINDUSTRIAN, KHUSUSNYA SEKTOR PEMBUATAN YANG MERUPAKAN SUMBER UTAMA PERTUMBUHAN EKONOMI NEGARA.

KATANYA, PERTUMBUHAN SEKTOR PEMBUATAN KINI DI LUAR JANGKAAN KERAJAAN KERANA MAMPU MEMBERI SUMBANGAN BESAR KEPADA PERTUMBUHAN KELUARAN DALAM NEGARA KASAR (KDNK), PEWUJUDAN PELUANG PEKERJAAN DAN PENINGKATAN EKSPORT.

+MALAH EKSPORT BARANGAN PEMBUATAN NEGARA MEMBENTUK HAMPIR SETENGAH DARIPADA JUMLAH EKSPORT (NEGARA), + KATANYA SAMBIL MENAMBAH, SEKTOR ITU AKAN MENJADI TULANG BELAKANG EKONOMI NEGARA PADA MASA DEPAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KERAJAAN JUGA SENTIASA MENKKAJI DAN MENGUBAHSUAIKAN SEMUA DASAR DAN STRATEGI SERTA MEMPERLUASKAN ASAS PERINDUSTRIAN UNTUK MENGHADAPI SAINGAN NEGARA-NEGARA LAIN. -- LAGI

1321MST 24 07 89

0594

U 6739 AAB
MAHATHIR - PELABURAW 5 KUALA LUMPUR

LANGKAH PENSUASTAAN SECARA **TIDAK LANGSUNG** MENGGALAKKAN PERSAINGAN DAN MENINGKATKAN **LAGI** KEGIATAN **PERINDUSTRIAN**, KATANYA **SAMBIL MENAMBAH**, SETAKAT **INI** 20 PROJEK SUDAH DISWASTAKAN MANAKALA **SEMBILAN LAGI** DALAM PERINGKAT PENELITIAN TERAKHIR.

MENGENAI PELABURAN **DI** PERINGKAT **NEGERI**, **PERDANA** MENTERI BERKATA KERAJAAN **PUSAT** MENGGALAKKAN PERSAINGAN ANTARA KERAJAAN NEGERI SUPAYA JENTERA **MEREKA MAMPU** BERSAING KE ARAH MEWUJUDKAN PENTADBIRAN YANG **LICIN LAGI** BERKESAN.

BIARPUN TEMPAT MERUPAKAN FAKTOR PENTING UNTUK MENARIK **PELABURAN**, PERSAINGAN ANTARA KERAJAAN NEGERI **MASIH** KEGIATAN YANG **SIHAT**, KATANYA.

+BIARLAH PERSAINGAN **INI BERAKHIR** DENGAN PENINGKATAN KECEKAPAN KERAJAAN-KERAJAAN NEGERI MENGURUSKAN PERMOHONAN PELABURAN **DI** NEGERI **MASING-MASING,+** KATANYA.

TAMBAHNYA, WALAUPUN JUMLAH PROJEK **INDUSTRI** PEMBUATAN YANG **DILULUSKAN BAGI** JOHOR SEJAK TIGA TAHUN LEPAS **MERUPAKAN** YANG KEDUA TERTINGGI **SELEPAS SELANGOR**, PROJEK PEMBUATAN **DI** JOHOR BERPOTENSI LEBIH TINGGI DALAM MEWUJUDKAN PELUANG PEKERJAAN. -- **LAGI**
1332MST 24 07 89

0595

U B740 AAB
MAHATHIR - PELABURAN 6 KUALA LUMPUR

SEMINAR **SEHARI** ANJURAN PERBADANAN KEMAJUAN EKONOMI NEGERI JOHOR (**PKENJ**) BERTUJUAN UNTUK MEMBERI MAKLUMAT PELABURAN KEPADA PELABUR-PELABUR **DARI** NEGERI LAIN TERUTAMA LEMBAH KLANG.

YANG TURUT MENGHADIRI SEMINAR **ITU**, YANG DISERTAI OLEH KIRA-KIRA 100 **PELABUR**, IALAH MENTERI BESAR JOHOR TAN SRI HAJI MUHYIDDIN YASSIN DAN PENGARAH EKSEKUTIF **PKENJ** DATUK MOHD **ALI** HAJI **HASHIM**. -- BERNAMA
1333MST 24 07 89